

Bahagian A

Jawab semua soalan.

1.1 Kestabilan dan Kemakmuran Negara Kita

- 1 Jawatan berikut wujud dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran di negeri-negeri Melayu.

Ibu Soko

Apakah negeri yang dimaksudkan?

- A Perlis
- B Perak
- C Selangor
- D Negeri Sembilan

Buku Teks m.s. 5

- 2 Apakah masyarakat tempatan yang terlibat dengan penghasilan kraf tangan berikut?

Tenunan kain pua

- A Perlis
- B Sabah
- C Sarawak
- D Kelantan

Buku Teks m.s. 6

- 3 Hasil hutan berikut banyak ditemui di negara kita.

- Getah jelutung
- Kayu cendana

Apakah pedagang asing yang menjadi pembeli utama kepada hasil hutan tersebut?

- I Pedagang Siam
- II Pedagang India
- III Pedagang Parsi
- IV Pedagang Arab
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku Teks m.s. 6

- 4 Masyarakat Melayu mempunyai sistem sukatan yang tersendiri.

Pilih padanan yang **betul** tentang sukatan tersebut.

	Sukatan	Bersamaan
A	1 cupak	2 kal
B	1 kepul	4 leng
C	1 kal	2 leng
D	1 leng	4 kepul

Buku Teks m.s. 7

- 5 Apakah pedagang asing yang telah memperkenalkan sistem timbangan berikut di negara kita?

- Mayam
- Saga

- A Pedagang Parsi
- B Pedagang India
- C Pedagang Siam
- D Pedagang China

Buku Teks m.s. 7

- 6 Apakah kerajaan tempatan yang telah menggunakan mata wang berikut dalam urusan perdagangan mereka?



Duit pitih

- A Kedah
- B Pahang
- C Kelantan
- D Terengganu

Buku Teks m.s. 7

- 7 Seseorang mempelajari pendidikan formal di masjid dan di surau.
Apakah mata pelajaran yang akan dipelajari di institusi tersebut?
- Bahasa Arab
 - Bacaan tajwid
 - Pantang larang
 - Politik tempatan

Buku Teks m.s. 9

1.2 Faktor Kedatangan Kuasa Barat ke Negara Kita

- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan yang berlaku di Eropah.

Negara X menjadi kuasa yang ulung di Eropah pada abad ke-16.

Apakah negara X?

- Belanda
- Perancis
- Portugal
- Spanyol

Buku Teks m.s. 10

- 9 Tembikar berikut adalah antara barangan mewah dari China yang diperlukan oleh pedagang Barat.



Apakah dinasti yang telah menghasilkan barangan tersebut?

- Dinasti Hsia
- Dinasti Chin
- Dinasti Ming
- Dinasti Tang

Buku Teks m.s. 11

- 10 Apakah negara Barat yang menjadikan agama sebagai faktor penting untuk menyebarkan pengaruh mereka di Timur?

- Britain
 - Belanda
 - Portugal
 - Spanyol
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

Buku Teks m.s. 11

- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di Eropah.

Revolusi Perindustrian

Apakah negara Barat yang telah memulakan peristiwa tersebut?

- Perancis
- Jerman
- Britain
- Itali

Buku Teks m.s. 12

- 12 Apakah kesan daripada Revolusi Perindustrian terhadap negara-negara Barat?

- Pertambahan bilangan buruh
- Perubahan dasar pentadbiran
- Keperluan memaksimumkan keuntungan
- Kepentingan memajukan penanaman rempah

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

Buku Teks m.s. 12

- 13 Bagaimanakah negara-negara Barat memaksimumkan keuntungan pengeluaran barangan mereka kesan Revolusi Perindustrian?

- Memperoleh kawasan pasaran yang luas
- Menyebarkan pengaruh melalui slogan
- membina pelabuhan persinggahan
- Mempelbagaikan pengeluaran

- 14 Apakah kepentingan getah asli kepada negara imperialis Barat?

- Membina jalan raya
- Membina kereta api
- Membuat tin makanan
- Menjadi bahan penepat

Buku Teks m.s. 13

- 15 Pilih pasangan yang betul berkaitan dengan kewujudan ciptaan baharu di Barat pada abad ke-19.

	Negara Terlibat	Ciptaan
A	Perancis	Tin minuman
B	Belanda	Bumbung rumah
C	Britain	Mengetin makanan
D	Amerika Syarikat	Tong minyak

Buku Teks m.s. 13

- 16 Sumbangan tokoh berikut membawa perkembangan yang besar dalam perdagangan Alam Melayu pada abad ke-19.

Ferdinand de Lesseps

Apakah sumbangan tokoh tersebut?

- A Memulakan Revolusi Pertanian
- B Memajukan industri kereta
- C Membina Terusan Suez
- D Mencipta kapal wap

Buku Teks m.s. 14

- 17 Pelbagai slogan telah digunakan oleh kuasa imperialis untuk menguasai negara lain. Apakah kuasa Barat yang telah menggunakan slogan "Tugas Menyebarkan Tamadun"?

- A Belanda
- B Perancis
- C Sepanyol
- D Amerika Syarikat

Buku Teks m.s. 15

1.3 Persaingan Kuasa Barat untuk Mendapatkan Tanah Jajahan

- 18 Jadual berikut berkaitan dengan tindakan yang telah dilakukan oleh kuasa imperialis.

Tahun	Tindakan
1905	Meluaskan kawasan pemerintahan sehingga ke sempadan Brunei

Apakah kuasa imperialis yang telah berbuat demikian?

- A Britain
- B Sepanyol
- C Keluarga Brooke
- D Syarikat Borneo Utara British

Buku Teks m.s. 16

- 19 Amerika Syarikat turut terlibat dalam persaingan untuk mendapatkan tanah jajahan di negara kita.

Apakah negeri yang menjadi sasaran negara tersebut?

- A Kedah
- B Pahang
- C Kelantan
- D Terengganu

Buku Teks m.s. 16

1.4 Perbezaan Strategi Kuasa Barat untuk Menguasai Negara Kita

- 20 Tokoh berikut telah dihantar ke Tanah Melayu untuk menggantikan Gabenor Harry Ord.

Andrew Clarke

Apakah kesan daripada pelantikan tersebut?

- I Permulaan campur tangan British dalam politik tempatan
- II Pelaksanaan sistem naungan British di negeri Melayu
- III Pemodenan sistem pertanian tradisional
- IV Pembentukan Negeri-negeri Selat
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

Buku Teks m.s. 18

- 21 Jadual berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di Selangor.

Tahun	Peristiwa
1786	Sultan Selangor mengadakan perjanjian dengan Belanda

Apakah persetujuan yang dicapai oleh kerajaan Selangor melalui perjanjian tersebut?

- A Menerima Residen Belanda
- B Menjual bijih timah kepada Belanda
- C Membantu Belanda menyerang Kedah
- D Membenarkan Belanda membina kubu

Buku Teks m.s. 20

- 22 Pada tahun 1784, angkatan perang Belanda telah melancarkan serangan terhadap Johor. Mengapakah tindakan tersebut dilakukan?

- A Perebutan Selat Melaka
- B Pembatalan penjualan bijih timah
- C Pembentukan pakatan Johor-British
- D Pelibatan Johor ke atas Perang Klang

Buku Teks m.s. 20

- 23 Apakah dasar yang diambil oleh Belanda untuk menguasai perdagangan bijih timah di Perak?

- A Ugutan
- B Pajakan
- C Pakatan
- D Monopoli

Buku Teks m.s. 20

- 24 Apakah faktor yang membawa kepada kejayaan Belanda menguasai Melaka pada tahun 1641?

A Perjanjian Inggeris-Belanda
B Penggunaan strategi tipu helah
C Penggunaan senjata moden
D Pakatan dengan Johor

Buku Teks m.s. 20

- 25 Kuasa Barat berikut pernah menguasai pentadbiran Sabah.

Syarikat British Utara Borneo

Apakah cara yang digunakan oleh syarikat tersebut untuk membolehkannya berbuat demikian?

A Ugutan C Pakatan
B Pajakan D Manipulasi

Buku Teks m.s. 21

- 26 British menggunakan kaedah manipulasi untuk meluaskan pengaruh di negeri-negeri Melayu.

Apakah negeri tersebut?

A Pulau Pinang C Melaka
B Singapura D Pahang

Buku Teks m.s. 21

- 27 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa yang menimpa pedagang British.

Dirompak oleh lanun di perairan perdagangan negeri Melayu

Apakah negeri yang perairannya terlibat dalam peristiwa tersebut?

A Perak
B Pahang
C Selangor
D Terengganu

Buku Teks m.s. 21

- 28 Tindakan berikut telah dilakukan oleh Brooke di Sarawak.

Mendapatkan pengiktirafan daripada Sultan X sebagai Raja Sarawak

Siapakah Sultan X yang telah berbuat demikian?

A Sultan Sulu
B Sultan Perak
C Sultan Brunei
D Sultan Johor-Riau

Buku Teks m.s. 21

- 29 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan yang telah dilakukan oleh British di Terengganu ketika pemerintahan Sultan Omar.

Membedil Kuala Terengganu

Mengapakah tindakan tersebut dilakukan oleh British terhadap kerajaan tersebut?

I Mencampuri perang saudara di Pahang
II Menerima bantuan senjata dari Klang
III Mengadakan perjanjian dengan Belanda
IV Mencampuri masalah takhta Sultan Mahmud Lingga
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Buku Teks m.s. 21

- 30 Pemerintah negeri Melayu yang manakah didesak untuk menerima naungan British melalui perjanjian?

A Sultan Kedah
B Sultan Pahang
C Sultan Kelantan
D Sultan Terengganu

Buku Teks m.s. 21